

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS [ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan rumah tangga terutamanya kes penderaan suami yang berlaku pada tahun 2021 dan adakah ia berkaitan dengan kes bunuh diri yang meningkat pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, antara Januari hingga Jun 2021 sebanyak 644 kes telah direkodkan dengan 48 kes adalah mangsa lelaki. Bagi pecahan kes keganasan rumah tangga yang melibatkan mangsa lelaki dalam tempoh tersebut, seramai 25 kes adalah suami, bapa kandung 9 kes, saudara mara lain 6 kes, abang kandung 3 kes, adik kandung lelaki 2 kes, datuk 2 kes dan bekas suami 2 kes.

Berdasarkan statistik oleh PDRM, sepanjang 2021 sebanyak 638 kes bunuh diri dicatatkan. Negeri tertinggi kes bunuh diri ialah Selangor sebanyak 222 kes, Johor 173 kes dan Pulau Pinang sebanyak 124 kes. Namun tiada kaitan antara jumlah kes keganasan rumah tangga dalam kalangan lelaki dengan jumlah kes bunuh diri disebabkan JKM tidak mengumpul data yang mengaitkan mangsa dengan faktor bunuh diri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN  
HAJI HAMZAH [ KUBANG PASU ]**

**SOALAN**

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik semasa kanak-kanak yang kehilangan sama ada bapa atau kedua-dua ibu bapa akibat COVID-19. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu anak yatim/piatu bagi meneruskan kehidupan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak yang telah kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya disebabkan pandemik COVID-19 dan memerlukan pembelaan sewajarnya.

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga 13 September 2021, seramai 4,422 orang murid sekolah di bawah KPM telah kehilangan ibu / bapa atau penjaga akibat COVID serta menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat wabak COVID-19 sejak pandemik ini melanda negara. Sebanyak 154 orang yang merupakan kehilangan kedua-dua ibu dan bapa.

Kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah bagi memberi bantuan serta sokongan kepada kanak-kanak seperti berikut:

- i. Pemberian bantuan kewangan bagi menampung keperluan hidup kanak-kanak dan anggota keluarga kanak-kanak. Jenis bantuan yang diberikan adalah Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Kanak-Kanak. Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan Negara 2021 pada 6 November 2020 telah bersetuju menaikkan kadar bantuan bulanan di bawah skim Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Pesakit Terlantar kendalian JKM. Bagi kanak-kanak berusia bawah 7 tahun, kanak-kanak layak menerima RM200 seorang manakala bagi kanak-kanak berusia 7 tahun ke atas akan memperolehi bantuan sebanyak RM150 bagi seorang kanak-kanak. Untuk pertama kalinya juga kadar bantuan maksimum kanak-kanak dinaikkan daripada RM450 sekeluarga kepada RM1,000 sekeluarga.
- ii. Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak yang menghadapi tekanan emosi akibat kehilangan ibu bapa atau penjaga. Bantuan kaunseling turut diberikan kepada anggota keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Antara perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah:

- a) Intervensi Psikologi dan Kaunseling, seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Terapi Psikologi;
  - b) Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Intervensi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma, *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology* dan *Psychology First Aid (PFA)*; dan
  - c) Psikopendidikan, Program Psiko-*Spiritual* serta *Art Therapy*.
- iii. Kanak-kanak boleh ditempatkan di institusi JKM sekiranya kanak-kanak tidak mempunyai waris atau saudara mara yang boleh menjaga mereka berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak akan diambil perintah sementara melalui mahkamah dan diletakkan sama ada kepada keluarga ganti/Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS) atau institusi tempat selamat. Sebanyak tujuh (7) Institusi JKM telah ditetapkan mengikut Zon untuk jagaan dan perlindungan kanak-kanak yang kehilangan ibubapa akibat COVID-19. Bagi Zon Utara, Rumah Kanak-kanak (RKK) Pokok Sena, Kedah dan Taman Seri Puteri (TSP) Batu Gajah, Perak. Institusi Taman Seri Puteri Cheras, Selangor dan Rumah Budak Lelaki (RBL) Melaka diletakkan sebagai Zon Tengah dan Zon Timur adalah RKK Mini Kelantan. Manakala bagi institusi di Sabah ialah Taman Seri Puteri Kota Kinabalu dan Sarawak, Taman Seri Puteri, Kuching.
- iv. Menjalankan kerjasama dengan ahli komuniti setempat seperti Ketua Kampung, Sukarelawan dan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) serta Komuniti Rukun Tetangga untuk memberi bantuan dan sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak dan ahli keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Sebagai makluman, Kementerian telah melaksanakan pelantikan kepada 140 buah Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang merangkumi 983 orang ahli PPKK bagi sesi 2021 hingga 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas dan tanggungjawab dalam membantu kanak-kanak yang telah kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 bukan hanya terletak kepada JKM semata-mata. Penglibatan pelbagai termasuk komuniti setempat amat penting untuk memberi galakan sokongan kepada anggota keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN**

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Bakul Makanan Prihatin yang telah diedarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk setiap kawasan Parlimen dan DUN di Negeri Sembilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan. Ia merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Program ini dilaksanakan melalui pembekalan barang asas keperluan makanan yang diagihkan atau disampaikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang memohon melalui pelbagai mekanisme yang memudahkan rakyat seperti talian telefon Bilik Gerakan, Talian Kasih 15999, hadir terus ke pejabat dan lain-lain lagi.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Sidang Khas MKN pada 26 Mac 2020, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan bakul makanan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang diuruskan oleh Kementerian. Sejumlah **RM106,829,105** telah dibelanjakan sepanjang bulan **Mac 2020 hingga Julai 2021** yang memberi manfaat kepada **1,131,385 Ketua Isi Rumah (KIR)**. Sejumlah **RM34.6 juta menggunakan Tabung COVID-19** manakala **RM72.2 juta** menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100.

Sepanjang tempoh yang sama (**Mac 2020 – Julai 2021**) Negeri Sembilan telah menerima **46,959** bakul makanan di bawah peruntukan Kerajaan persekutuan manakala **16,100** di bawah program Bakul Prihatin Negara (BPN) yang telah diedarkan mengikut Parlimen dan DUN oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan. Penerima manfaat program ini adalah seramai **63,059 Ketua Isi Rumah (KIR)**.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN**

Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk semua kategori bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 (sehingga Ogos 2021) mengikut negeri dan nilai bantuan yang diterima oleh setiap penerima.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat jumlah penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk semua kategori bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 (sehingga Julai 2021) mengikut negeri dan nilai bantuan yang diterima oleh setiap penerima adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bil Penerima</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
2019	499,518	RM1,765,038,370
2020	506,070	RM1,809,839,885
2021	512,643	RM1,441,059,913

Statistik terperinci seperti di jadual-jadual berikut.

Sekian, terima kasih.

**Jadual 1 : Statistik Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019 hingga 2021**

BIL	NEGERI	2019		2020		2021 (Januari-Julai)	
		BIL KES	RM	BIL KES	RM	BIL KES	RM
1	PERLIS	9,058	29,406,253	9,028	29,367,870	8,953	22,617,690
2	KEDAH	43,285	159,702,628	44,024	160,392,789	44,022	123,425,068
3	PULAU PINANG	18,659	73,881,273	19,565	75,468,662	19,949	60,260,760
4	PERAK	40,489	155,808,147	42,938	160,293,996	44,012	135,030,512
5	SELANGOR	42,064	161,352,047	43,358	162,985,310	44,764	126,750,333
6	MELAKA	25,071	91,099,123	24,913	90,272,074	24,734	74,605,741
7	N.SEMBILAN	26,221	92,108,695	26,433	93,056,452	26,819	76,858,436
8	JOHOR	49,178	184,813,960	50,768	186,408,674	52,567	152,035,793
9	KELANTAN	46,345	154,529,085	46,866	163,475,856	46,752	127,852,229
10	TERENGGANU	41,970	131,168,671	42,272	132,655,657	41,810	98,761,576
11	PAHANG	27,683	106,158,948	28,603	107,343,365	29,117	86,778,290
12	SABAH	59,421	201,619,170	62,660	219,218,930	63,641	174,003,222
13	SARAWAK	57,333	174,989,338	51,124	179,268,601	50,883	143,277,215
14	WP K.LUMPUR	11,782	45,260,948	12,505	46,287,013	13,552	36,075,644
15	WP LABUAN	959	3,140,085	1,012	3,344,637	1,070	2,727,403
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>499,518</b>	<b>1,765,038,370</b>	<b>506,070</b>	<b>1,809,839,885</b>	<b>512,643</b>	<b>1,441,059,913</b>

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

**Statistik Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Mengikut Skim Bagi Tahun 2019 hingga 2021**

Bil	Skim	2019		2020		JULAI 2021	
		Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM	Bil. Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	68,277	200,219,600	62,884	192,662,892	63,101	181,000,986
2	Bantuan Warga Emas (BWE)	139,161	573,104,530	138,631	575,146,399	138,599	494,435,340
3	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	85,486	408,390,250	89,255	420,470,313	92,093	288,389,397
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	69,291	205,569,500	78,419	225,358,827	83,639	178,942,955
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	25,496	107,194,150	25,584	107,652,616	26,004	94,139,079
6	Bantuan Am (BA)	103,664	261,379,965	103,979	281,324,589	105,714	200,089,604
7	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	206	929,150	65	151,500	174	767,800
8	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	313	1,268,950	429	1,588,600	427	1,133,300
9	Geran Pelancaran (GP)	600	1,620,000	366	989,433	53	144,400
10	Tabung Bantuan Segera (TBS)	5,173	1,552,011	5,272	1,581,452	2,212	663,409
11	Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)	1,851	3,810,264	1,186	2,913,264	626	1,353,643
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>499,518</b>	<b>1,765,038,370</b>	<b>506,070</b>	<b>1,809,839,885</b>	<b>512,643</b>	<b>1,441,059,913</b>

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM]**

**SOALAN**

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes COVID-19 dan kematian yang melibatkan penghuni atau kakitangan pusat penjagaan orang tua :

- (a) Berapa pusat penjagaan yang telah mendaftar untuk vaksinasi; dan
- (b) Bagaimana Kementerian menggalakkan pendaftaran vaksinasi untuk golongan ini memandangkan banyak rumah orang tua yang tidak berlesen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengemukakan sebanyak **389 buah Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar** kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **untuk tujuan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua bagi golongan berisiko.**

Mengikut statistik sehingga Ogos 2021, sebanyak **310 buah Pusat Jagaan Warga Emas** telah menerima vaksinasi yang melibatkan **6772 orang penghuni dan 2,321 orang kakitangan** pusat jagaan tersebut.

Berdasarkan rekod daripada MOSTI **sehingga 9 September 2021, sebanyak 3,307,761 warga emas yang telah mendaftar untuk menerima vaksin.** Daripada jumlah tersebut, **seramai 3,290,257 telah menerima dos 1 dan seramai 3,000,992 telah menerima dos kedua.**

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pusat jagaan warga emas menerima Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi penghuni dan penjaga di premis mereka adalah melalui **advokasi dan nasihat yang diberikan oleh Pegawai Diberi Kuasa semasa mereka melakukan pemeriksaan dan pemantauan ke pusat jagaan tersebut terutama semasa pemantauan pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19.** Selain daripada itu, **jaringan kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat turut dilakukan** bagi mengesan pusat jagaan warga emas yang tidak berdaftar untuk menyertai PICK.

Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan MOSTI **dalam pelaksanaan COVID-19 *Mobile Vaccination Unit* iaitu PPV yang menggunakan konsep unit bergerak atau *mobile team* bagi memastikan sasaran imuniti kelompok tercapai. *Mobile team* ini mengesan kumpulan sasar Kementerian**

**seperti Orang Kurang Upaya dan warga emas yang tidak mempunyai akses untuk hadir secara fizikal ke PPV.**

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terpelihara dan **menggesa agar semua pusat jagaan yang masih belum berdaftar, untuk tampil berdaftar dengan JKM** bagi memastikan kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN**

**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci usaha pengagihan bantuan keperluan makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. Berapakah isi rumah yang menerima bantuan bakul makanan ini berdasarkan pecahan negeri dan Parlimen.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan. Ia merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Program ini dilaksanakan melalui pembekalan barang asas keperluan makanan yang diagihkan atau disampaikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada mereka yang memohon melalui pelbagai mekanisme yang memudahkan rakyat seperti talian telefon Bilik Gerakan, Talian Kasih 15999, hadir terus ke pejabat dan lain-lain lagi.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Sidang Khas MKN pada 26 Mac 2020, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan bakul makanan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 yang diuruskan oleh Kementerian. Sejumlah **RM106,829,105** telah dibelanjakan sepanjang bulan **Mac 2020 hingga Julai 2021** yang memberi manfaat kepada **1,131,385 Ketua Isi Rumah (KIR)**. Sejumlah **RM34.6 juta menggunakan Tabung COVID-19** manakala **RM72.2 juta** menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100.

Susulan dari kejayaan program tersebut, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan program bakul makanan melalui **Program Bakul Prihatin Negara (BPN)**. BPN merupakan satu program dilaksanakan secara kerjasama pintar berkonsepkan “*Whole of Society*” antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara. Peruntukan untuk BPN adalah sepenuhnya daripada syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON (co), Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby.

Sejak BPN dilancarkan dan sehingga 26 Ogos 2021, dana yang telah dikumpul dari syarikat terbabit berjumlah **RM16 juta** dan Kementerian telah menerima lebih daripada **450,000 permohonan**. Sejumlah lebih **160,000 KIR telah menerima manfaat BPN** manakala selebihnya dalam proses untuk disantuni dalam tempoh terdekat. Sungguhpun peruntukan BPN adalah daripada hasil sumbangan, Kementerian tidak pernah berkompromi dari aspek harga dan nilai barangan bakul makanan seperti mana yang telah dipersetujui antara Kementerian dengan pihak penyumbang iaitu RM50 bagi satu bakul makanan.

Statisitk pengagihan bakul makanan mengikut negeri adalah seperti berikut.

Sekian, terima kasih.

## STATISTIK BAKUL MAKANAN SEPANJANG TEMPOH PKP TAHUN 2020 SEHINGGA 2021

BIL	NEGERI	B40 RM100	FASA 1 RM50	FASA 2 RM100	FASA 3 RM100	FASA 4 RM100	FASA 5 RM100	FASA 6 RM100	JUMLAH
1	PERLIS	3,000	1,055	500	3,350	500	8,846	200	17,451
2	KEDAH	15,000	11,490	6,000	500	500	43,356	1,000	77,846
3	PULAU PINANG	13,000	5,000	3,369	2,000	3,000	19,076	300	45,745
4	PERAK	24,000	11,000	5,196	1,350	2,300	42,795	800	87,441
5	SELANGOR	22,000	11,000	7,728	4,350	3,300	43,074	800	92,252
6	WP KUALA LUMPUR	12,000	-	1,000	11,730	2,000	12,457	3,000	42,187
7	NEGERI SEMBILAN	8,000	7,000	3,646	500	500	26,313	1,000	46,959
8	MELAKA	6,000	3,000	2,154	900	1,500	24,661	500	38,715
9	JOHOR	26,000	12,000	5,250	4,600	500	50,857	2,400	101,607
10	PAHANG	14,000	11,000	5,555	1,800	-	28,292	1,500	62,147
11	TERENGGANU	8,000	8,000	4,000	2,800	5,000	41,211	1,000	70,011
12	KELANTAN	14,000	10,000	5,500	5,050	1,000	45,846	2,500	83,896
13	SABAH	25,000	6,000	7,288	34,556	2,000	61,496	2,000	138,340
14	SARAWAK	31,000	11,000	6,605	3,350	1,600	41,201	1,000	95,756
15	WP PUTRAJAYA	-	-	-	-	-	-	-	
16	WP LABUAN	1,000	1,055	608	550	400	966	14,000	18,579
17	KPWKM	-	5,000	21,500	28,500	29,900	9,553	8,000	102,453
<b>JUMLAH KESELURUHAN BAKUL MAKANAN</b>		<b>222,000</b>	<b>113,600</b>	<b>85,899</b>	<b>105,886</b>	<b>54,000</b>	<b>500,000</b>	<b>40,000</b>	<b>1,121,385</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN  
HAJI MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]**

**SOALAN**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jenis bantuan dan bilangan penerima mengikut kategori bantuan-bantuan yang diberikan kepada rakyat negara ini serta jumlahnya semasa pandemik COVID-19 ini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan setiap rakyat negara ini mendapat bantuan dan pembelaan sepatutnya semasa pandemik COVID-19 ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat pandemik COVID-19 yang telah melanda. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), diberi tanggungjawab melaksanakan inisiatif-inisiatif kerajaan bagi membantu rakyat negara ini yang terjejas dengan pandemik ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JKJ bagi membantu kumpulan sasaran adalah:

**1. Bantuan Bakul Makanan Semasa PKP**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab bagi menyelaraskan Bantuan Bakul Makanan kepada mereka yang memerlukan dan terjejas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran wabak COVID-19.

Kriteria penerima bantuan bakul makanan adalah Warganegara Malaysia; dan Pemohon merupakan mereka yang terkesan, terjejas atau hilang punca pendapatan akibat wabak COVID-19 atau PKP.

Berdasarkan statistik Jabatan sebanyak 1,845,968 Bakul Makanan dan Bakul Makanan Prihatin telah diedarkan kepada Ketua Isi Rumah yang telah memberi manfaat kepada 7,383,872 Ahli Isi Rumah. Bagi pelaksanaan program ini sebanyak RM123.13 juta telah dibelanjakan. Terdapat dua (2) sumber peruntukan telah digunakan iaitu peruntukan Kerajaan sebanyak RM106.83 juta dan Sumbangan pihak Korporat dan NGO's sebanyak RM16.3 juta.

**2. Bantuan Khas Orang Kurang Upaya (OKU) PENJANA**

Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi tanggungjawab bagi menyelaraskan pengagihan Bantuan Khas Kepada penerima bantuan OKU di bawah Inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Golongan OKU yang layak ialah Penerima

Bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT). Seramai **188,092 yang layak** dan sebanyak **RM56.43 juta** telah disalurkan.

**3. Kenaikan Kadar Bantuan Belanjawan 2021**

- 3.1 Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300;
- 3.2 Kadar Bantuan Warga Emas dan Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500;
- 3.3 Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450; dan
- 3.4 Kadar Bantuan Kanak-kanak dinaikkan daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga, kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.

Kenaikan kadar ini melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion iaitu tambahan sebanyak RM700 juta. Sehingga Julai 2021, RM1.44 bilion peruntukan telah disalurkan dengan jumlah penerima bantuan sebanyak 517,643 penerima.

**4. Kenaikan Had Kelayakan Gaji Maksimum Elaun Pekerja OKU**

YAB Perdana Menteri dalam Program Strategik Memperkasa Dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021 yang lalu, telah mengumumkan kenaikan had kelayakan gaji maksimum bagi bantuan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) dari RM1,200 sebulan kepada RM1,500 sebulan dengan tambahan peruntukan sebanyak RM26 juta. Ini memberi manfaat kepada 92,093 penerima Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) dengan peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM288.3 juta.

**5. Bantuan Khas OKU PEMULIH**

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Bantuan Kewangan Khas OKU di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Jun 2021. Bantuan ini diberikan untuk membantu golongan OKU yang telah kehilangan pekerjaan, dibayar separuh gaji (pendapatan berkurangan) atau diarahkan bercuti tanpa dibayar gaji dan bukan penerima bantuan bulanan JKM sedia ada. Kadar bantuan kewangan yang diberikan adalah sebanyak RM500.00 seorang setiap bulan selama tempoh tiga (3) bulan. Sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk bantuan tersebut bagi memanfaatkan seramai 20 ribu OKU.

Permohonan Bantuan Kewangan Khas OKU ini telah dibuka mulai 18 Julai 2021 sehingga 6 Ogos 2021 dan JKM telah menerima sebanyak 7,639 permohonan daripada OKU di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 4,276 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan berjumlah RM6.4 juta. sementara 3,363 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan yang telah ditetapkan oleh JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI  
ZAKARIA [ PARIT ]**

**SOALAN**

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbang untuk mewujudkan pusat kuarantin khas untuk kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 bagi memastikan isu kebajikan dan perkembangan emosi sosial golongan itu tidak terjejas.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Kuarantin merupakan tempat pengasingan dan pemerhatian kesihatan yang telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) termasuk hotel-hotel atau mana-mana premis lain yang ditentukan oleh Kerajaan. Pihak Kerajaan memandang serius akan isu kebajikan, emosi dan sosial kanak-kanak yang ditempatkan di pusat kuarantin bagi tujuan pengasingan serta pemerhatian kesihatan.

Buat masa ini terdapat 160 buah Pusat Kuarantin Risiko Rendah (PKRC) di seluruh negara dimana sebanyak 21 PKRC tahanan dan selebihnya 139 adalah PKRC awam. Terdapat juga kemudahan kesihatan yang dikhaskan bagi perawatan COVID-19 termasuklah Hospital Full COVID-19 dan Hospital Hybrid COVID-19 menerima pelbagai kategori pesakit mengikut umur tanpa diskriminasi.

Pelaksanaan kuarantin bagi golongan dewasa dan kanak-kanak adalah di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi tujuan ini pihak KKM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan ruang kuarantin khas untuk kanak-kanak di PKRC MAEPS, Serdang, Selangor. Pihak KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan membantu KKM dari segi menyediakan SOP tempat kuarantin kanak-kanak dan kemudahan aktiviti kepada kanak-kanak yang dikuarantin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**SOALAN**

**Puan Nor Azrina Binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan semua pusat-pusat jagaan berdaftar bagi tujuan mengawal pusat-pusat jagaan di bawah Seksyen 4 Bahagian II Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] susulan kebarangkalian kluster pusat jagaan warga emas tercetus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilantik sebagai Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021. Sehingga kini, seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa telah dilantik sebagaimana peruntukan Akta 342 tersebut.

JKM bertanggungjawab untuk memantau semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi semasa tempoh pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain daripada pemantauan berkala yang dilakukan pada setiap 6 bulan. Selain daripada itu, JKJ juga telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan.

Berikut adalah jumlah pemantauan yang telah dilakukan ke atas Pusat Jagaan berdaftar:

- a) 868 pemantauan pematuhan SOP COVID-19, dan
- b) 1,401 penilaian sendiri melalui Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC)

Bagi memastikan semua Pusat Jagaan berdaftar beroperasi dengan baik terutama sepanjang tempoh pandemik COVID-19, JKJ telah mengeluarkan Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Berdaftar (Berkediaman dan Harian). Program latihan berkaitan pengoperasian dan pengurusan Pusat Jagaan turut dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan Pusat Jagaan berkenaan.

Garis panduan ini bertujuan memastikan penularan jangkitan penyakit COVID-19 dapat dicegah di pusat jagaan, pengoperasian pusat jagaan dapat dikendalikan dengan baik, dan bagi memastikan pengendali Pusat

Jagaan bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan penghuni pada setiap masa.

Sehingga Jun 2021, sebanyak 58 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar dan sebanyak 14 tindakan LAK telah dilaksanakan. Bagi memantapkan bidang penguatkuasaan Jabatan, latihan kepakaran sentiasa diberikan kepada Pegawai DiBeri Kuasa dengan kerjasama agensi-agensi luar seperti kerjasama bersama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bagi tahun 2021, sebanyak 7 latihan melalui Pelan Operasi Latihan (POL) telah dan akan dilaksanakan kepada Pegawai DiBeri Kuasa.

Bagi menampung kos penjagaan kesihatan penghuni pusat jagaan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM20 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN). Peralatan kesihatan yang disediakan di bawah peruntukan ini seperti pelitup muka, *hand sanitiser*, alat pengukur suhu badan, dan peralatan *disinfection detergents*. Sebanyak 1,529 PSK telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

Selain daripada itu, salah satu inisiatif yang diambil dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 adalah dengan membenarkan hanya pusat jagaan yang berdaftar mengakses sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) iaitu *COVID-19 Intelligence Management System (CIMS)* bagi mendapatkan kebenaran merentas daerah atau negeri.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan terpelihara sepanjang PKP menerusi pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**SOALAN**

**Puan Nor Azrina Binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada penambahbaikan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) akan dibentangkan oleh Menteri supaya Pusat Jagaan yang merupakan tempat risiko tinggi jangkitan COVID-19 boleh memenuhi keperluan pencegahan dan pengawalan COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada masa ini tiada membuat penambahbaikan tentang Akta Jagaan 1993 (Akta 506). Kali terakhir akta ini dipinda adalah pada tahun 2007, yang dinamakan Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007 atau (Akta A1292). Walau bagaimanapun, bagi memenuhi pencegahan dan pengawalan COVID-19, Kementerian ini menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan “Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19 Di Pusat Jagaan Warga Emas Berkediaman Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan”. Selain itu, bagi membantu kerajaan mengekang penularan kes COVID-19 di pusat jagaan seperti taman asuhan kanak-kanak atau taska, Kementerian ini dengan kerjasama KKM, turut mengeluarkan “Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)”.

KPWKM dari masa ke masa akan sentiasa memastikan kesihatan dan kebajikan penghuni di pusat jagaan dan taska diberikan perhatian yang utama. Usaha ini juga selaras dengan komitmen kerajaan supaya penularan COVID-19 dapat dibendung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
HAJI ABDUL KARIM  
[ BATANG LUPAR ]**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peratusan dan kesimpulan pemerhatian Jawatankuasa CEDAW dari tahun 2018 yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan taraf wanita di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995 yang menghendaki negara anggota untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam pelbagai bidang serta mempromosi hak-hak sama rata mereka. Susulan daripada ratifikasi tersebut, Malaysia berkewajipan untuk mengemukakan pelaporan secara berkala kepada Jawatankuasa CEDAW setiap empat tahun. Ia perlulah mengandungi langkah-langkah seperti perundangan dan pentadbiran yang diambil oleh kerajaan semasa tempoh pelaporan, dalam melaksanakan tanggungjawab yang disarankan oleh Jawatankuasa tersebut.

Laporan terkini telah dikemukakan oleh Malaysia pada tahun 2016 yang mengandungi Laporan Gabungan Ketiga hingga Kelima dan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa CEDAW pada tahun 2018. Beberapa saranan telah dikemukakan kepada Malaysia oleh Jawatankuasa berkenaan termasuklah:

- 1) memastikan semua polisi, strategi dan pelan tindakan berkaitan pemerkasaan disertakan dengan sasaran yang jelas dan mempunyai mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian;
- 2) menghapuskan stereotaip berkaitan peranan wanita dan lelaki dalam keluarga dan masyarakat;
- 3) mewujudkan prosedur yang piawai dalam pengesanan orang yang diperdagangkan dan merujuk kepada perkhidmatan perlindungan memastikan prosedur berkaitan dengannya adalah peka gender;
- 4) memastikan hak kanak-kanak perempuan dalam bidang pendidikan;
- 5) melihat perkara-perkara yang menghalang penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan; dan
- 6) lain-lain.



## SOALAN NO. : 304

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita sedang menyusul tindakan yang telah diambil oleh pelbagai Kementerian dan agensi yang berkaitan dan mendapati pelbagai tindakan telah dilaksanakan dalam memperkasa dan menghapuskan diskriminasi terhadap wanita. Di peringkat KPWKM pula, usaha pemerdayaan wanita terus diberikan tumpuan di bawah Pelan Strategik KPWKM 2021-2025 dan merangkumi:

- 1) menggubal undang-undang khusus berkaitan gangguan seksual;
- 2) meningkatkan usaha-usaha untuk mengurus perdana gender di sektor awam;
- 3) memastikan akses wanita kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif;
- 4) menyediakan persekitaran yang menyokong pembangunan wanita dengan menggalakkan penubuhan lebih banyak TASKA di tempat kerja dan membuka peluang kepada wanita untuk terlibat dalam profesion asuhan dan jagaan kanak-kanak;
- 5) menyediakan penjagaan dan perlindungan kepada kumpulan khusus seperti orang yang diperdagangkan dan mangsa keganasan rumah tangga yang rata-ratanya dalam kalangan wanita; dan
- 6) mewujudkan mekanisme untuk membincangkan isu-isu wanita melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan penglibatan Exco atau Menteri yang memegang portfolio wanita di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[ LABUAN ]**

**SOALAN**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah bantuan makanan yang diberikan oleh Kerajaan di kawasan yang dikenakan PKPD di Labuan dan di Sabah tiba pada waktu yang ditetapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan kepada rakyat yang memerlukan. Ini merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Namun begitu, perlu dijelaskan bahawa melalui penyelarasan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), urusan bagi hal ehwal berkaitan kawasan yang disenaraikan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN). Ini termasuklah urusan pembekalan makanan. Kementerian dalam hal ini berperanan sebagai penyediaan sistem sokongan sosial dan berperanan untuk menyediakan keperluan tambahan (*top-up*) bekalan yang telah diuruskan oleh JPBN.

Bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Kementerian telah membantu menyediakan bekalan tambahan untuk PKPD di Labuan dengan jumlah **14,000 bakul** yang telah diterbangkan melalui penerbangan ihsan TUDM terus ke Labuan pada 24 Jun dan 2 Julai 2021. Manakala melalui kontena laut pada 27 Jun 2021 dan 29 Jun 2021. Selain daripada itu, WP Labuan juga menerima bakul makanan untuk rakyat yang memerlukan berjumlah **6,170** bakul berjumlah **RM405,150** dari **Mac 2020 hingga Julai 2021 iaitu 4,579** di bawah peruntukan Kerajaan manakala **1,600** di bawah **program Bakul Prihatin Negara (BPN)**. Ini merupakan bakul-bakul makanan yang telah diagihkan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Labuan hasil dari rujukan dan permohonan melalui talian telefon Bilik Gerakan, Talian Kasih 15999, hadir terus ke pejabat dan media sosial rasmi Kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**SOALAN**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan anak-anak yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 dan perancangan Kerajaan dalam memantau serta menggerakkan usaha melihat kebajikan serta masa mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak yang telah kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya disebabkan pandemik COVID-19 dan memerlukan pembelaan sewajarnya.

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga 13 September 2021, seramai 4,422 orang murid sekolah di bawah KPM telah kehilangan ibu / bapa atau penjaga akibat COVID serta menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat wabak COVID-19 sejak pandemik ini melanda negara. Sebanyak 154 orang yang merupakan kehilangan kedua-dua ibu dan bapa.

Kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah bagi memberi bantuan serta sokongan kepada kanak-kanak seperti berikut:

- i. Pemberian bantuan kewangan bagi menampung keperluan hidup kanak-kanak dan anggota keluarga kanak-kanak. Jenis bantuan yang diberikan adalah Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Kanak-Kanak. Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan Negara 2021 pada 6 November 2020 telah bersetuju menaikkan kadar bantuan bulanan di bawah skim Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Pesakit Terlantar kendalian JKM. Bagi kanak-kanak berusia bawah 7 tahun, kanak-kanak layak menerima RM200 seorang manakala bagi kanak-kanak berusia 7 tahun ke atas akan memperolehi bantuan sebanyak RM150 bagi seorang kanak-kanak. Untuk pertama kalinya juga kadar bantuan maksimum kanak-kanak dinaikkan daripada RM450 sekeluarga kepada RM1,000 sekeluarga.
- ii. Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak yang menghadapi tekanan emosi akibat kehilangan ibu bapa atau penjaga. Bantuan kaunseling turut diberikan kepada anggota keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Antara perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah:

- a) Intervensi Psikologi dan Kaunseling, seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Terapi Psikologi;
  - b) Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Intervensi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma, *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology* dan *Psychology First Aid (PFA)*; dan
  - c) Psikopendidikan, Program Psiko-*Spiritual* serta *Art Therapy*.
- iii. Kanak-kanak boleh ditempatkan di institusi JKM sekiranya kanak-kanak tidak mempunyai waris atau saudara mara yang boleh menjaga mereka berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak akan diambil perintah sementara melalui mahkamah dan diletakkan sama ada kepada keluarga ganti/Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS) atau institusi tempat selamat. Sebanyak tujuh (7) Institusi JKM telah ditetapkan mengikut Zon untuk jagaan dan perlindungan kanak-kanak yang kehilangan ibubapa akibat COVID-19. Bagi Zon Utara, Rumah Kanak-kanak (RKK) Pokok Sena, Kedah dan Taman Seri Puteri (TSP) Batu Gajah, Perak. Institusi Taman Seri Puteri Cheras, Selangor dan Rumah Budak Lelaki (RBL) Melaka diletakkan sebagai Zon Tengah dan Zon Timur adalah RKK Mini Kelantan. Manakala bagi institusi di Sabah ialah Taman Seri Puteri Kota Kinabalu dan Sarawak, Taman Seri Puteri, Kuching.
- iv. Menjalankan kerjasama dengan ahli komuniti setempat seperti Ketua Kampung, Sukarelawan dan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) serta Komuniti Rukun Tetangga untuk memberi bantuan dan sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak dan ahli keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Sebagai makluman, Kementerian telah melaksanakan pelantikan kepada 140 buah Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang merangkumi 983 orang ahli PPKK bagi sesi 2021 hingga 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas dan tanggungjawab dalam membantu kanak-kanak yang telah kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 bukan hanya terletak kepada JKM semata-mata. Penglibatan pelbagai termasuk komuniti setempat amat penting untuk memberi galakan sokongan kepada anggota keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**SOALAN**

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian dalam memastikan kaedah lebih strategik dan mesra pengguna dari aspek digital bagi perkhidmatan Talian Kasih.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus menyantuni kumpulan sasaran Kementerian menerusi pelbagai kaedah termasuklah Talian Kasih 15999. Talian bebas tol ini, beroperasi 24 jam setiap hari selama 365 hari setahun. Talian Kasih adalah talian prihatin masyarakat yang merupakan *single point of contact* kepada orang awam untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan bantuan. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi isu-isu berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasaran Kementerian.

Selaras dengan hasrat Kementerian untuk mempertingkatkan usaha digitalisasi dengan menggunakan kaedah yang lebih mesra pengguna, aplikasi WhatsApp Talian Kasih 019-26 15999 telah diperkenalkan kepada umum pada 30 Januari 2020 bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan Talian Kasih yang sedia ada bagi memberi fokus kemudahan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) terutamanya pendengaran dan pertuturan untuk mengajukan sebarang pertanyaan, permohonan dan aduan.

Semasa negara menghadapi krisis pandemik COVID-19, Talian Kasih turut memperkenalkan perkhidmatan tambahan. Pada 26 Mac 2020, perkhidmatan kaunseling secara dalam talian iaitu tele-kaunseling telah diperkenalkan. Ianya bagi membantu sokongan emosi dan psikologi masyarakat di kala berdepan dengan isu-isu semasa yang memberi kesan kepada mereka. Tele-kaunseling ini diwujudkan dengan sokongan yang melibatkan 249 Kaunselor Sukarelawan yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, 78 Kaunselor daripada Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) serta 151 Pegawai Kaunselor dan Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sepanjang Talian Kasih beroperasi, antara bentuk panggilan yang tinggi diterima ialah seperti panggilan berkaitan bantuan kebajikan, kes keganasan rumah tangga, aduan penderaan, pengabaian, isu berkaitan kanak-kanak, isu orang papa dan peminta sedekah serta permintaan untuk tele-kaunseling.

Talian Kasih turut menerima panggilan yang bukan merupakan bidang tugas Kementerian. Akan tetapi, Talian Kasih berusaha sedaya mungkin untuk membantu dalam memberikan jawapan atau saluran yang diperlukan oleh klien. Sebagai contoh semasa pandemik COVID-19, antara panggilan yang seringkali diterima adalah berkaitan janji temu vaksin, bantuan sara hidup (Bantuan Prihatin Nasional dan Bantuan Prihatin Rakyat), pergerakan sepanjang PKP, pengeluaran wang KWSP (i-Sinar dan i-Citra), kes-kes kecemasan COVID- 19 serta pertanyaan berkenaan bidang tugas Kementerian lain.

Untuk makluman, jumlah keseluruhan panggilan yang diterima di Talian Kasih pada tahun 2020 ialah sebanyak 174,605. Melalui jumlah ini, panggilan tertinggi yang diterima berkaitan Kementerian ialah bantuan kebajikan (74,126 panggilan), pertanyaan mengenai perkhidmatan agensi di bawah Kementerian iaitu sebanyak 5,705 panggilan, tele-kaunseling (5,088 panggilan), keganasan rumah tangga (2,540 panggilan) dan panggilan berkaitan kanak-kanak (2,113 panggilan). Selebihnya ialah panggilan mengenai Orang Kurang Upaya yang mencatat 780 panggilan, panggilan berkaitan pengemis/gelandangan iaitu 535 panggilan dan panggilan warga emas sebanyak 413 panggilan. Untuk rekod ,panggilan yang tidak berkaitan Kementerian adalah sebanyak 83,305 panggilan.

Bagi rekod panggilan tahun 2021 iaitu sehingga 22 Ogos 2021, jumlah panggilan keseluruhan di Talian Kasih dicatatkan sebanyak 141,545 panggilan. Panggilan utama berkaitan Kementerian masih dipelopori oleh panggilan mengenai bantuan kebajikan yang merekodkan 57,026 panggilan. Panggilan ini didapati masih dominan di Talian Kasih memandangkan inisiatif Kementerian dalam mewujudkan Bakul Prihatin Negara kepada mereka yang terkesan semasa pandemik COVID- 19.

## SOALAN NO. : 370

Selaras dengan kepentingan Talian Kasih kepada rakyat pada masa kini, Kementerian sentiasa menambah baik keperluan di Pusat Panggilan Talian Kasih selaras dengan perkembangan semasa. Antaranya ialah mengenai sistem pelaporan Talian Kasih iaitu *Customer Relationship Management* (CRM) yang akan ditambah baik pada tahun 2022 (dijangka pada bulan Jun). Sistem ini akan menambah baik penjana laporan berdasarkan keperluan semasa.

Aplikasi WhatsApp Talian Kasih sedia ada juga telah ditambah baik dengan menggunakan sistem yang dikenali sebagai Cention. Sistem ini membolehkan enam (6) orang *Call Agent* untuk bertugas pada satu-satu masa, justeru menjadikan Talian Kasih lebih responsif dan dapat menyantuni aduan atau pertanyaan dalam tempoh yang singkat.

Selain itu, Kementerian ini juga sedang berusaha untuk membangunkan sistem *Mobile Apps* Talian Kasih yang dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2022. *Mobile Apps* ini boleh diakses oleh orang awam yang ingin membuat aduan berkaitan skop Talian Kasih. Orang awam juga boleh menyemak status aduan yang dibuat hanya melalui semakan di aplikasi berkenaan tanpa merujuk staf di Talian Kasih atau pegawai agensi di bawah Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa orang wanita, mengikut kaum, telah diperkasakan untuk berdikari dan berapa peruntukan yang telah dibelanja untuk usaha ini memandangkan pandemik COVID-19 telah melanda semua lapisan masyarakat, khasnya golongan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program bagi membantu wanita untuk berdikari dalam mendepani cabaran akibat pandemik COVID-19. Sehingga 31 Julai 2021, sebanyak **1,037 program** pemerksaan wanita telah dilaksanakan oleh JPW melibatkan **570,677 peserta** di seluruh negara. Program-program ini telah dilaksanakan secara konvensional (bersemuka) dan dalam talian selari dengan norma baharu. Pelaksanaan program pemerksaan wanita ini mengguna pakai peruntukan tahunan sedia ada Jabatan berjumlah RM2 juta. Sehingga Ogos 2021, sebanyak RM1.346 juta atau 67.3% telah dibelanjakan.

Inisiatif ini adalah berlandaskan kepada Model Pemerksaan Wanita yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita iaitu mengangkat kepentingan aspek keseimbangan, memfokuskan kepada pengukuhan kewangan, menyediakan peluang kemahiran dan memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk mencapai kesaksamaan dan kepimpinan sendiri. Kerangka inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan program pemerksaan wanita.

Antara inisiatif berkaitan pengukuhan kewangan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**1) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program penjaan pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti berikut:

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita dengan 791 penyertaan;
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais:

- Status terkini, seramai 39 peserta daripada kohort pertama telah tamat latihan dan kini dalam proses padanan perniagaan (*business matching*) bersama pihak francaisor serta dokumentasi bagi bantuan pembiayaan daripada pihak; dan
  - Bagi kohort kedua, seramai 30 peserta melalui kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor telah mengadakan latihan dan dalam proses padanan perniagaan.
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC)
- Seramai 21 peserta telah bersetuju untuk menyertai program IBBC JPW – *Tailoring/Fesyen* yang berlangsung selama 4 bulan bermula Jun hingga Oktober 2021; dan
  - Program ini bermula dengan sesi seminar pada Jun 2021 dan diteruskan dengan sesi *one-to-one coaching* sebanyak 4 kali, sesi latihan bersama tenaga pengajar dan sesi lawatan tapak bagi memastikan keberkesanan program yang dijalankan.

**2) Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)**

Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:

- a. Program dilaksanakan sepanjang tahun;
- b. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 7 program telah dilaksanakan; dan
- c. 272 wanita telah berjaya mendapat pekerjaan.

**3) Program Bantuan MyKasih Kapital:**

- a. Satu inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- b. Merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga; dan

**SOALAN NO. : 395**

- c. Sehingga Ogos 2021, seramai 1,424 peserta telah menerima insentif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM712,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pusat jagaan komuniti tempatan telah disediakan untuk kanak-kanak selepas sesi sekolah dan yang mana kemudahan ini telah disediakan.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin terhadap penjagaan kanak-kanak selepas sekolah.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil inisiatif menubuhkan **146** buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di seluruh negara. Penubuhan PAKK merupakan satu usaha yang menyeluruh dan lebih sistematik serta berkesan dalam usaha mencegah kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak seperti yang termaktub di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. PAKK merupakan program / perkhidmatan sokongan yang digerakkan oleh Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK). Objektif penubuhan PAKK adalah untuk menganjurkan program dan perkhidmatan sokongan bercorak pencegahan dan perlindungan terutama bagi kanak-kanak yang dianiaya oleh keluarga.

PAKK diwujudkan mengikut keperluan setempat berdasarkan penilaian oleh Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) yang akan mengenal pasti program, aktiviti dan perkhidmatan yang diperlukan. Ini akan membantu sesebuah PAKK merancang dalam penyediaan program dalam tempoh masa operasi mereka termasuklah menyediakan kemudahan untuk kanak-kanak selepas waktu persekolahan dengan pemantauan penyelia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
WAN ISMAIL [ PANDAN ]**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan:**

- a) jumlah status pelaksanaan masjid sebagai pusat transit mangsa keganasan rumah tangga dan jumlah perbelanjaan yang diberikan kepada masjid dan pecahan perbelanjaan dan jumlah; dan
- b) jumlah mangsa/pemandiri yang telah mendapatkan perkhidmatan di masjid mengikut pecahan umur, jantina dan bangsa setakat Ogos 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga adalah salah satu inisiatif di bawah Pelan Pengimarahen Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024 melalui teras Sosial, Komuniti dan Alam Sekitar dengan penjenamaan Masjid Prihatin. Tujuannya adalah untuk menyerlahkan lagi fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat meliputi keperluan psikososial dan *spiritual*. Kolaborasi strategik ini diadakan bersama-sama pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Program ini berkonsepkan perlindungan segera kepada komuniti dan masyarakat setempat dalam kalangan ahli kariah masjid khususnya golongan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga (KRT) dengan menyediakan kemudahan bilik asrama sedia ada di masjid, keperluan asas diri serta makan minum sepanjang keberadaan mereka di masjid. Perbelanjaan bagi program ini adalah di bawah tanggungan pihak masjid berkenaan.

Dua (2) buah masjid dipilih sebagai perintis program iaitu Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al Ghufuran Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail serta 12 buah masjid telah dijadikan sebagai pusat aduan bagi kes KRT dengan kerjasama pihak JAWI dengan berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus yang disediakan. Pihak KPWKM dan JPW juga sedang memperluaskan cadangan tersebut ke negeri-negeri lain untuk membantu mangsa yang memerlukan perlindungan.

Sehingga bulan Ogos 2021, hanya satu (1) kes telah diterima iaitu seorang wanita, berusia 28 tahun dan berbangsa Bajau telah diberikan perlindungan menerusi program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
WAN ISMAIL [ PANDAN ]**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan penjelasan berkaitan nisbah pekerja sosial yang sedia ada dan apakah tindakan yang diambil untuk memenuhi kekurangan yang sangat ketara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bidang Kerja Sosial dipraktikkan merentas pelbagai kementerian, agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) malah meliputi individu dalam sektor perkhidmatan kebajikan, pendidikan dan kesihatan. Buat masa ini **tiada statistik rasmi bilangan Pekerja Sosial direkodkan memandangkan tiada satu perundangan dan badan kawal selia (*Regulatory Body*)** yang melaksanakan pendaftaran profesion ini sebagaimana profesion-profesion lain antaranya Pegawai Perubatan, Jururawat, Peguam dan Jurutera.

Pada umumnya, **sehingga Ogos 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai bilangan pegawai Skim Sosial (Skim S) seramai 3,814** orang yang memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial **melibatkan pengurusan kes (*case management*)** kepada kumpulan sasaran.

Berdasarkan kajian **oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) tahun 2019**, nisbah Pekerja Sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah **1:8,576** (Seorang Pekerja Sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia). Nisbah ini dilihat amat besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti **1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom.**

**KPWKM memberikan komitmen penuh dalam usaha meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial** yang sekali gus dapat meningkatkan bilangan pekerja sosial di Malaysia. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

- i) **Penggubalan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial.** Justeru sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah penting apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan di Parlimen kelak;

- ii) **Mengadakan sesi konsultasi dengan semua Kerajaan Negeri, pekerja sosial dalam sektor awam, sektor pendidikan dan pengamal kerja sosial dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO);**
- iii) **Pelan Strategik KPWKM 2021 - 2025** di mana salah satu langkah strategik yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional; dan
- iv) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam proses merangka dokumen *Roadmap to Implement Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community*. Roadmap** ini bertujuan untuk dijadikan garis panduan Negara Anggota ASEAN dalam mempromosi kerja sosial serta mempertingkatkan peranan dan kapasiti pekerja sosial dalam pelbagai bidang.

Seterusnya, dalam meningkatkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam bidang kerja sosial, kerjasama strategik antara pihak KPWKM dengan pihak berkaitan sedang giat dilaksanakan antaranya:

- i) Penawaran **bidang kerja sosial di 8 institusi pengajian tinggi awam** dan 2 institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia yang menawarkan pendidikan dari peringkat diploma hingga Doktor Falsafah; dan
- ii) **KPWKM melalui JKM dilantik sebagai *Industry Lead Body (ILB)* oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM)** yang turut menawarkan kursus-kursus melalui Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Kerja Sosial seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 dalam Bidang Kerja Sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI  
[ KLUANG ]**

**SOALAN**

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jaminan yang diberikan kepada ibu tunggal Malaysia yang mempunyai anak bukan warganegara yang sudah pulang ke Malaysia dalam meringankan beban terhadap proses pentadbiran yang panjang untuk mendapatkan visa, hak pendidikan dan kesihatan sementara menunggu keputusan permohonan kewarganegaraan anak mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada peruntukan jaminan khas diberikan kepada ibu tunggal Malaysia yang mempunyai anak bukan warganegara sedang dalam proses menunggu mendapatkan visa kewarganegaraan. Anak tersebut boleh mendapatkan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan sementara menunggu keputusan permohonan kewarganegaraan selesai dengan dikenakan bayaran penuh sehingga kelulusan hak kewarganegaraan Malaysia diberikan.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT]**

**SOALAN**

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [SEGAMBUT] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status peruntukan geran RM30 juta bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam dan statistik terkini pertambahan jumlah yang berjaya diwujudkan bermula Mac 2020 sehingga Ogos 2021 berbanding sebelum berlakunya COVID-19 senarai lokasi serta usaha untuk menambah bilangan TASKA.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sekali lagi menerima peruntukan RM30 juta bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja melalui Dasar Bajet 2021.

- i. Bagi meningkatkan kualiti dan persekitaran TASKA di Tempat Kerja, peruntukan geran ini turut dibuka kepada TASKA di Tempat Kerja sedia ada yang memerlukan penyelenggaraan.
- ii. Pada tahun 2021, secara keseluruhannya sebanyak **RM6,645,210.00 telah diluluskan kepada 69 agensi kerajaan yang memohon Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja.** Pecahan kelulusan adalah melibatkan **27 TASKA baharu ditubuhkan dengan nilai RM4.015 juta dan 42 buah TASKA sedia ada yang diluluskan geran untuk penyelenggaraan dengan jumlah RM2.603 juta.** Pemberian geran kepada TASKA sedia ada bertujuan untuk penyelenggaraan TASKA dalam memastikan kanak-kanak yang berada di TASKA selamat dan dapat berkembang secara holistik. (Rujuk Senarai Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja Tahun 2021).
- iii. Bagi **menambah bilangan permohonan geran ini,** Kementerian ini telah **membuka permohonan kepada semua Kementerian dan Kerajaan Negeri seawal 22 Disember 2020 hingga 21 April 2021.**
- iv. Sesi Taklimat Permohonan Geran Dan Penubuhan TASKA di Tempat Kerja telah diadakan kepada semua Kementerian dan Kerajaan Negeri **pada 24 Disember 2020.** Sesi taklimat dan khidmat nasihat kepada agensi kerajaan yang berminat memohon geran penubuhan TTKA juga diadakan di peringkat negeri dan daerah sepanjang tempoh permohonan.

- v. Berdasarkan Statistik TASKA pada bulan Mac 2020 sebanyak 5017 didaftarkan dan pertambahan pendaftaran TASKA baharu sebanyak **389 buah di seluruh negara sehingga bulan Jun 2021 menjadikan bilangan TASKA berdaftar terkini adalah sebanyak 5,406.**
  
- vi. Selain itu, sesi taklimat dan khidmat nasihat kepada agensi kerajaan yang diluluskan geran juga sentiasa diadakan di peringkat negeri dan daerah bagi memastikan TASKA berjaya ditubuhkan dan didaftarkan.
  
- vii. SOP Pelan Pemulihan Negara yang dikeluarkan oleh MKN telah memberikan kemudahan kepada kakitangan barisan hadapan dengan menetapkan bahawa penjagaan anak kepada kakitangan petugas barisan hadapan dan perkhidmatan perlu adalah dibenarkan beroperasi. Sehingga 13 September 2021 sebanyak 2,183 buah TASKA telah dibenarkan beroperasi. Pengoperasian TASKA ini dapat membantu kakitangan barisan hadapan dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak semasa bertugas dan seterusnya dapat menjamin kesejahteraan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.